

20/10/2001

Pembangkang sambut baik usaha jana ekonomi

PEMIMPIN parti pembangkang semalam mengakui beberapa langkah yang diambil kerajaan dalam Belanjawan 2002 sebagai usaha terbaik bagi menjana ekonomi negara.

Mereka yang ditemui turut menyambut baik sebahagian langkah kerajaan, terutama dalam memberi pencen kepada balu wanita yang berkahwin lain, ganjaran lebih tinggi kepada doktor dan kenaikan 10 peratus gaji kakitangan awam.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, berkata beliau mengakui ada percubaan kerajaan dalam menjana ekonomi negara, terutama apabila Malaysia akan turut merasai kesan kelembapan daripada ekonomi dunia.

"Memang ada satu percubaan untuk menjana ekonomi negara. Kita sudah menjangka kelembapan ekonomi dunia akan memberi kesan kepada Malaysia. Jadi, saya menyambut baik dengan cadangan bagi pengurangan cukai," katanya.

Presiden Parti Keadilan Malaysia (Keadilan), Wan Azizah Wan Ismail, berkata beliau menyambut baik langkah pemberian pencen kepada balu wanita yang berkahwin lain.

"Ada baiknya (belanjawan ini) seperti doktor yang diberi ganjaran lebih dan, balu wanita yang dibenarkan mendapat pencen selepas berkahwin," katanya yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan Belanjawan 2002 sebagai satu strategi amat baik dalam usaha kerajaan mengekang kelembapan ekonomi dan membela rakyat serta negeri miskin seperti Kelantan dan Terengganu.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, jika Kerajaan Pusat benar-benar memberi perhatian dan komitmen membela negeri miskin seperti Kelantan, sudah pasti ia memberi masa depan lebih baik kepada rakyat di negeri itu.

Katanya, perkara itu perlu diberi perhatian bagi memastikan peruntukan kewangan yang akan disalurkan khususnya kepada kedua-dua negeri itu tidak melalui pihak yang berkepentingan politik.

"Kita amat memuji konsep Belanjawan 2002 yang menunjukkan kerajaan terus prihatin terhadap rakyat dan negeri miskin seperti Kelantan, di samping pelbagai pengurangan cukai dalam semua sektor perindustrian dan perdagangan.

"Kalau strategi itu dilaksanakan sungguh, cukup-cukup baiklah, hak inilah yang kami dok tunggu," katanya ketika ditemui di kediamannya, di Kota Bharu.

Nik Abdul Aziz bagaimanapun berkata, bagi memastikan peruntukan kewangan ke Kelantan dan Terengganu sampai kepada golongan sasaran, Kerajaan Pusat hendaklah menyalurkan terus kepada kerajaan negeri, bukan melalui orang politik.

"Kalau jentera itu berjalan masih macam dulu juga yang diberikan kuasa politik lebih daripada pegawai kerajaan, strategi apa pun akan musnah sama sekali. Itu... tentunya Datuk Seri (Dr Mahathir) faham.

"Cara paling baik ialah serah duit kepada pihak negeri, tak usah kepada orang politik, barulah boleh.

"Kalau tidak... hak satu karung tu... dapatlah sikit-sikit. Dia akan jadi cerita seperti wang ihsan di Terengganu," katanya.

Bagaimanapun, Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor, menganggap belanjawan tahun ini tidak banyak berbeza dengan yang dibentangkan tahun lalu.

"Tidak banyak berbeza dengan tahun lalu. Kenaikan harga minyak akan melibatkan semua golongan termasuk pelajar yang menggunakan motosikal. Ini akan mengakibatkan tanggungan keluarga turut meningkat, termasuk inflasi juga meningkat," katanya.

Sementara itu, Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali dalam satu kenyataan berkata, partinya membantah kenaikan harga petrol dan diesel kerana ia akan mengakibatkan kenaikan harga barang yang memerlukan pengangkutan.

Beliau turut mengangap belanjawan tahun depan sebagai persediaan bagi mengadakan pilihan raya umum secara mengejut.

(END)